

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(I)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

4. Sistem longkang lama dan buruk di Jalan Kampung Benggali menjadi punca utama aliran air lambat, mendapan minyak, kekotoran dan bau busuk di sepanjang Jalan Kampung Benggali, Jalan Telekom di Butterworth.
- (a) Jabatan manakah bertanggungjawab menyelenggara dan menaik taraf sistem longkang tersebut?
- (b) Berapakah anggaran kos untuk menaik taraf sistem longkang tersebut?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. (a) Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Penyelenggaraan Infrastruktur antara Jabatan dan Agensi Kerajaan di Pulau Pinang Bil.1/2020 pada 18 Februari 2020 yang dipengerusikan oleh YB Zairil Khir Johari, Pengerusi Jawatankuasa MMK Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir telah mempertimbang dan meluluskan penyelenggaraan struktur jalan dan parit di Jalan Kampung Benggali dan Jalan Telekom, Butterworth diserahkan dan diselenggara oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkuatkuasa mulai 18 Februari 2020. Walau bagaimanapun, Jabatan Kerja Raya (JKR) Seberang Perai Utara masih bertanggungjawab menyelenggara struktur jalan dan parit di kawasan tersebut sehingga proses penyerahan dan pengambilalihan antara kedua-dua jabatan dilaksanakan mengikut prosedur dan syarat-syarat yang ditetapkan.

- (b) JKR Seberang Perai Utara akan melaksanakan kerja-kerja naiktaraf dan pembaikan di jalan tersebut pada tahun ini dengan anggaran kos sebanyak RM200,000.00 sebelum penyelenggaraan struktur jalan dan parit di Jalan Kampung Benggali dan Jalan Telekom, Butterworth diserahkan dan diselenggara sepenuhnya kepada MBSP.